



e-Buletin

Edisi Januari 2022

JANUARI



Graceful Staffing Services mempunyai 6 buah cawangan di Malaysia setakat Januari 2022. Cawangan Graceful yang terbaru dan akan dibuka pada awal tahun ini adalah di Kota Kinabalu, Sabah. Graceful dalam perancangan untuk meluaskan empayarnya dengan membuka lebih banyak cawangan di setiap negeri di Malaysia.

MyLEAP telah melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang bulan Januari ini antaranya menyertai program temuduga terbuka anjuran PERKESO negeri Pulau Pinang yang telah dijalankan pada 13 Januari 2022 di Pejabat PERKESO, Seberang Jaya dan 21 Januari 2022 di Pejabat PERKESO, Georgetown. MyLEAP juga telah mengadakan perjumpaan bersama ketua kampung di Parit Buntar dan berbincang mengenai aktiviti perancangan kerjaya di sana.

Januari merupakan bulan bermulanya aktiviti orientasi yang di jalankan kepada semua calon baru yang bakal bekerja di bawah Graceful. Aktiviti ini dijalankan untuk memberi pendedahan kepada semua calon akan perkara yang perlu mereka tahu sebelum melangkah masuk untuk bekerja, Dengan kerjasama antara HR, MyLEAP, Recruitment GSS dan juga team Operation, aktiviti ini dapat berlangsung sehingga hari ini.

Sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2022, team Corporate Branding telah merancang untuk merakam video kenangan bersama staff. Perancangan ini disambut baik oleh semua staff dan penggambaran dijalankan pada 17 Januari 2022 dengan jayanya.

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA



Tekan link dibawah untuk melihat video:

[Graceful Malaysia CNY](#)

Sebelum sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 1 Februari 2022, team Corporate Branding telah mengadakan satu sesi penggambaran bersama semua kakitangan Graceful Staffing Services cawangan Perai dan Georgetown. Penggambaran ini telah berlangsung di HQ Graceful sendiri iaitu di Perai. Kerjasama yang baik dari semua kakitangan Graceful telah menghasilkan sebuah video pendek berdurasi 1:32s sempena Tahun Baru Cina.

TEMUDUGA TERBUKA KHAS BELIA ANJURAN PERKESO

MyLEAP dengan kerjasama PERKESO negeri Pulau Pinang telah menjalankan temuduga terbuka bertempat di Dewan Mahligai Kencana Pejabat PERKESO Seberang Jaya pada 13 Januari 2022 dan juga di Pejabat PERKESO Georgetown pada 20 Januari 2022. Program yang berlangsung selama sehari ini disertai oleh ramai majikan lain dari negeri Pulau Pinang dan ramai calon telah berjaya menyertai Graceful melalui Program ini.



Selain itu, MyLEAP juga turut mengadakan temuduga secara maya (online) selama tiga hari iaitu pada 18, 22 dan 29 Januari 2022 dengan kerjasama PERKESO negeri Pahang.

HARI ORIENTASI BAKAL PEKERJA

Pada 19 Januari 2022 telah bermulanya aktiviti orientasi bagi semua calon baru yang bakal bekerja di bawah Graceful Staffing Services. Aktiviti orientasi ini diadakan pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat setiap minggu bertempat di Pejabat Graceful di Perai. Makanan juga disediakan dan diberikan secara percuma kepada semua calon yang terlibat.



PEMBUKAAN CAWANGAN DI KOTA KINABALU, SABAH

Bulan Januari merupakan pembukaan tahun yang terbaik bagi Graceful kerana bakal membuka satu lagi cawangan di negeri borneo iaitu di Kota Kinabalu, Sabah. Walaupun pejabat urusan masih di dalam penyelenggaraan, Graceful telah pun berjaya memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat di sana. Graceful juga telah merancang untuk membuka lebih banyak cawangan di negeri-negeri lain.



Graceful Staffing Services (M) SDN BHD.

No 1-9-B & 1-10-B,
NB Plaza 3000 Jalan Baru, 13700
Bukit Mertajam, Penang

